



Tarikh : 21 Syawal 1437/26 Julai 2016

Kepada:
Yang Mulia
Pemilik-pemilik Premis atau Bangunan,
Negara Brunei Darussalam

**GARISPANDU BAGI PENSWASTAAN MEMBAIK PULIH / PENGGANTIAN KABEL PERKHIDMATAN
(SERVICE CABLE / WIRE), SEALING CHAMBER ATAU SWITCHBOARD**

1. Semua kerja dan kos pembaikan atau penggantian kabel perkhidmatan (bagi semua saiz), *sealing chamber* atau *switchboard* ditanggung sepenuhnya oleh pemilik Premis atau Bangunan itu sendiri;
2. Pemilik Premis atau Bangunan akan melantik dan membayar sendiri pemborong elektrik bagi membuat kerja-kerja di atas;
3. Pemilik Premis atau Bangunan juga bertanggungjawab terhadap penyediaan semua kos yang diperlukan untuk tujuan ini termasuk kos barang-barang dan perkhidmatan;
4. Tanggungjawab pemilik Premis atau Bangunan adalah terhad kepada kabel perkhidmatan yang mengambil bekalan elektrik daripada tiang-tiang kawat atas, Feeder Pillar (Distribution dan Mini Feeder Pillar) milik JPE, *sealing chamber* atau *switchboard* di Premis atau Bangunan yang mengalami gangguan elektrik;
5. Pemborong yang dilantik oleh pemilik premis bagi kerja-kerja di atas mestilah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, dan mempunyai pekerja berkelayakan yang berdaftar dengan JPE dalam kategori yang bersesuaian;
6. Pemborong dikehendaki menghubungi JPE bagi penutupan dan pengaktifan semula bekalan elektrik di tiang kawat atas atau pun di Feeder Pillar sebelum memulakan kerja dan setelah menyiapkan kerja dan;
7. Pemborong dikehendaki untuk sentiasa mematuhi: semua keperluan yang berkenaan selaras dengan *Safety Rules* dan *System Operating Regulations* Jabatan
8. Nota tambahan:
 - a. Bagi kejadian melibatkan kerosakan kabel perkhidmatan, JPE akan mengaturkan penarikan / pemasangan bekalan sementara (temporary supply), sama ada melalui kawat atas atau kabel bawah tanah.
 - b. Pemasangan bekalan sementara ini hanyalah dihadkan bagi penggunaan maksima selama DUA (2) MINGGU sahaja dari tarikh ianya diaktifkan.
 - c. Pemilik bangunan dikehendaki menguruskan kerja-kerja pembaikan kepada kabel perkhidmatan yang rosak (berpandukan garis-pandu di atas) dalam jangka masa DUA (2) MINGGU di atas.
 - d. Sekiranya pemilik bangunan gagal membaiki kerosakan tersebut dalam masa yang diberikan itu, maka JPE berhak untuk memotong bekalan elektrik ke bangunan tersebut (disebabkan faktor keselamatan).
 - e. JPE akan mengeluarkan surat kepada pemilik Premis atau Bangunan untuk menerangkan perubahan ini dengan lebih lanjut seawalnya.

Sekian disampaikan

"RAJA BERDAULAT, NEGARA BERKAT"

(PENGIRAN JAMRA WEIRA BIN PENGIRAN HAJI PETRA)

Pengarah Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam